

**PENGEMBANGAN PENGAJIAN MELAYU MEMPERKUKUHKAN
BAHASA MELAYU NUSANTARA**
*THE DEVELOPMENT OF MALAY STUDIES TO STRENGTH MALAY
LANGUAGE IN NUSANTARA*

Azhar Hj. Wahid & Fathin Noor Ain Ramli*

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Perak, Malaysia.

*azwahid@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Anjakan usaha dan aspirasi memperkukuhkan bahasa Melayu di kepulauan Asia Tenggara perlu kekuatan yang bersandarkan pada pengembangan dan pemeraksanaan pengajian Melayu secara horizontal. Harapan sedemikian tidak mungkin tercapai tanpa kekuatan kemahuan dalam kalangan cendekiawan, budayawan, sasterawan, penulis, pengerak bahasa dan sastera untuk menghasilkan pengajian Melayu yang berkualiti tinggi. Pengajian Melayu meliputi segala hasil kesusasteraan yang tertulis dalam bahasa Melayu, baik di Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand, mahupun di wilayah berbahasa Melayu yang lain. Bahasa Melayu dalam terminologi supranasionalnya merentasi versi dan variasi bahasa Melayu Brunei Darussalam, bahasa Malaysia, bahasa Melayu Thailand, atau bahasa Indonesia. Dalam pengembangan pengajian Melayu yang berperanan mengangkat martabat bahasa, bangsa dan kesedaran rakyat telah mengembeling usaha dalam penglibatan wacana intelektual dunia. Karya berbahasa Melayu ditulis bagi mewacanakan pembangunan peradaban, membincangkan persoalan bahasa, sastera, budaya dan tradisi

keilmuan dalam semua bidang. Di Malaysia dan Indonesia, karya sastra yang berbahasa Melayu telah menyemarakkan semangat perjuangan kemerdekaan, nasionalisme, dan menjadi wahana pembinaan negara bangsa serumpun, sehingga peranan dan fungsi pengajian Melayu serantau tidak pernah diragui, terutama dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.

Kata Kunci: aspirasi, pengembangan, martabat, variasi, peradaban

ABSTRACT

Effort and aspiration to strengthen the Malay language in the Southeast Asia should have the strength that relate on the development and empowerment of Malay studies horizontally. Such expectations cannot be achieved without the power of the willingness among intellectuals, humanists, writers, authors besides language and literature mover to produce high-quality of Malay studies. The studies cover all literary works written in Malay Languages, whether in Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand, or in any other Malay-speaking region. Malay Language in its supranational terminology across the version and variation of Brunei's Malay Language, Malaysian Language, Thailand's Malay Language or Indonesian Language. In the development of Malay studies which play as significant part to raise the dignity of language, nation and people's awareness that has been bringing together in world intellectual discourse involvement. The work was written for discoursing the Malay civilization development, discussing the question of language, literature, culture and tradition of knowledge in all fields. In Malaysia and Indonesia, the Malay-language literature has been the spirit of the struggle for independence, nationalism, and as a medium for nation building until the role and function of Malay Studies were never doubt especially in order to uphold the Malay language.

Key words: aspiration, development, dignity, variation, civilization

PENGENALAN

Pengajian Melayu dikatakan mencapai kemajuan yang pesat pada abad ke-21 ini hasil daripada usaha pelbagai pihak. Dari pengamatan sejarah, pengajian Melayu ini telah lama diwujudkan oleh orientalis sebagai satu bidang ilmu yang memberikan mereka berbagai kelebihan pengetahuan tentang masyarakat Melayu. Pengetahuan ini mereka gunakan untuk memantapkan infrastruktur perundangan mereka khususnya yang dilaksanakan di negeri-negeri Melayu sebagai tanah jajahan mereka. Matlamatnya sudah pasti untuk *status quo* yang sukar diganggu-gugat. Demikian juga halnya dengan negara jiran-jiran kita, telah diwujudkan juga *Indonesiaan Studies*, *Phillipine Studies*, *Borneo Studies* dan sebagainya.

Sehubungan itu, boleh dikatakan bahawa pada awalnya pengajian Melayu telah dilakukan oleh para cendekiawan penjajah (Portugis, Sepanyol, Perancis, Belanda dan Inggeris) adalah untuk *status quo* kepenjajahan mereka di rantau Asia Tenggara, namun perubahan iklim pencarian dan pengembangan ilmu telah berubah secara evolusi. Kesedaran bangsa Melayu tentang jatidirinya menjadikan pengajian Melayu ini telah diberi penekanan dan keutamaannya di pusat-pusat pengajian tinggi, khususnya kearah memartabatkan dan memperkukuhkan penggunaan bahasa Melayu. Anjakan usaha dan aspirasi sedemikian di kepulauan Asia Tenggara adalah amat memerlukan kekuatan yang bersandarkan pada pengembangan dan pemerikasaan pengajian Melayu secara horizontal atau dalam pelbagai wilayahnya secara vertikal. Harapannya tidak mungkin tercapai tanpa kekuatan kemahuan dalam kalangan cendekiawan, budayawan, sasterawan, penulis, pengerak bahasa dan sastera untuk menghasilkan pengajian Melayu yang berkualiti tinggi. Justeru itu, dalam penulisan ini akan cuba memperlihatkan perkembangan pengajian Melayu dapat memperkukuhkan penggunaan bahasa Melayu khususnya di negara-negara ASEAN. Fokus perbincangan ini lebih tertumpu

kepada persuratan Melayu iaitu bidang bahasa dan sastera Melayu.

Pengembangan Pengajian Melayu

Pengajian Melayu pada dasarnya adalah pengajian peradaban atau pengajian wilayah. Pengajian seperti ini penting bagi menyelami dan memahami sesuatu kelompok manusia. Sebagai alat mengkajinya, kecekapan disiplin tertentu seperti linguistik, sosiologi, psikologi dan sebagainya adalah penting, begitu juga dengan peradaban atau manusia yang dikaji itu daripada penelitian sejarah, arkeologi atau antropologi budaya (Mohd Taib Osman, 2004: 4). Di samping itu, pengajian Melayu berperanan melahirkan manusia yang berjiwa Melayu. Di sebalik kemajuan sains dan teknologi pada abad ke-21 ini, kita masih mahu menghasilkan manusia yang halus budinya, menghayati seni Melayu, yang berjiwa mulia dan berhemah tinggi, dan bersopan santun mengikut acuan Timur.

Pada konsep yang lebih terbuka dan baru, pengajian Melayu diperkukuhkan lagi dengan disiplin lain seperti sastera, bahasa sejarah, keagamaan, perundangan, politik, ketenteraan, falsafah, sains dan lain-lainnya. Konsep lebih terbuka ini menjadikan Pengajian Melayu suatu bidang ilmu, suatu subjek tentang suatu ras dan tamadunya yang turut menyumbang kepada tamadun alam sejagat, dalam kontek alam Melayu dan dunia Islamnya. Ini juga menjadikan sejajar dengan bangsa besar yang dijadikan subjek kajian seperti pengajian Arab, China, India, Eropah dan sebagainya.

Dalam situasi dan interaksi itulah maka Pengajian Melayu tidak sahaja diuliti oleh orang Melayu tetapi institut pengajian tinggi seluruh dunia turut menjadikan suatu subjek penting yang turut menyumbang terhadap tamadun dunia zaman berzaman. Pengajian Melayu menjadi lebih signifikan untuk memahami orang Melayu, minda Melayu, segala serba-serbi yang bernaung di bawah payung Melayu. Subjek Pengajian Melayu di Malaysia

menerima perubahan daripada suatu subjek orientalis kepada subjek orang Melayu. Pada peringkat awalnya bermula di Universiti Malaya Singapura berpindah ke Universiti Malaya Kuala Lumpur, kemudian menyebar ke UKM pada tahun 1970. Negara jiran seperti Brunei, Filipina, Thailand turut melengkapkan keperluan ilmu baru ini.

Begitu juga pengembangannya turut terlihat di Belanda, Jerman, Perancis, Amerika serta beberapa negara Asia seperti Korea Selatan, China dan Jepun (Sahlan Mohd Saman, 2002:8).

Sejak selepas Perang Dunia Kedua, faktor ekonomi memainkan peranan dan menjadi sebab utama kenapa alam Melayu Nusantara menjadi pilihan serta rebutan termasuk kajian oleh negara-negara Barat. Misalannya, dilihat kesanggupan Inggeris memecah-bahagikan Asia Tenggara dengan rakan-rakan kongsinya, menentang serangan tentera Jepun, mengorbankan tenteranya sendiri melawan komunis dan nasionalis Melayu adalah berpunca daripada sumber-sumber kekayaan ekonomi. Daripada itu, ribuan kitab dan buku, pustaka serta ilmu Melayu dan etosnya mereka larikan ke Eropah, mereka pelajari sedalam mungkin, mereka gunakan semula setelah mengenalpasti kekuatan dan kelemahan Melayu. Khazanah Melayu terus dipunggah ke Eropah, tetapi setelah Jepun meniupkan semangat Fajar Asia dan jatidiri Asia Raya maka kesedaran orang Melayu terhadap bumi dan tanahairnya meluap-luap hingga kebangkitan nasionalisme negara bangsa menuntut kebebasan mutlak.

Sejak bermulanya secara formal di Universiti Malaya Singapura pada sebelum merdeka, pengajian Melayu secara mudah dibahagikan kepada tiga bidang ilmu utama iaitu Bahasa Melayu, Sastera Melayu dan Budaya Melayu. Pada ketiga-tiga bidang itulah terhimpunnya ilmu Melayu, etos Melayu, jatidiri Melayu, serba-serbinya Melayu yang masih dapat diselidiki mengikut tatacara Barat iaitu ada dokumentasi, artifak, rakaman lisan, *weltanschauung*, warisan, kepercayaan, budaya dan segalanya yang bercirikan Melayu. Dari situlah pengajian

Melayu terus berkembang bukan sahaja dalam negara, malah ke peringkat antarabangsa seperti Amerika dan Eropah.

Pengajian Melayu kini telah banyak berubah berbanding dekad sebelum ini dan pemusatan terhadap *etnosentrisiti* telah turut menerima perubahan kepada antara disiplin dan berkaitan juga dengan pekerjaan serta pasaran. Kajian bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu telah dihubungkan dengan ilmu atau disiplin lain seperti sejarah, psikologi, agama, sosiologi, politik, tidak terkecuali sains dan matematik. Pemanfaatan analisis statistik serta pengumpulan data empiris turut dijadikan tatacara penyelidikan. Hasilnya pasti objektif dan saintifik, kecuali yang bersangkutan hal-hal falsafah, pemikiran, perasaan dan sejarah yang tetap diukur dengan kaedah lain kerana karya sastera itu selengkapnya mencitrakan zahir dan batin kehidupannya tanpa mengecualikan unsur dalaman, emosi serta sentimen kemanusiaannya. Justeru itu, dalam konteks ini Pengajian Melayu meliputi segala hasil kesusasteraan yang tertulis dalam bahasa Melayu, baik di Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Thailand, mahupun di wilayah berbahasa Melayu yang lain. Bahasa Melayu dalam terminologi supranasionalnya merentasi versi dan variasi bahasa Melayu Brunei Darussalam, bahasa Malaysia, bahasa Melayu Thailand, atau bahasa Indonesia.

Selama ratusan tahun Pengajian Melayu, khususnya persuratan Melayu terus berkembang dengan memainkan peranan mengangkat martabat bahasa, bangsa dan kesedaran rakyat, sekali gus membawanya ke dalam wacana intelektual dunia, termasuklah perbincangan di Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN ini. Menurut A.Aziz Deraman (2015), karya berbahasa Melayu ditulis bagi mewacanakan pembangunan peradaban, membincangkan persoalan bahasa, sastera, budaya dan tradisi keilmuan dalam semua bidang. Bahasa Melayu juga digunakan sebagai alat perjuangan politik, kemajuan ekonomi rakyat dan pembangunan sosial, apalagi selepas kemerdekaan dan adanya pelbagai dasar

pembangunan Negara. Malah, dalam tradisi kesusasteraan Melayu, korpus Melayu atau isi persuratannya, baik yang berbentuk klasik dan tradisional mahupun moden, terhimpun banyak pemikiran mengenai sistem politik, ekonomi, sosial, budaya, falsafah, kesenian, nilai, norma, dan adat resam. Di Malaysia dan Indonesia, karya sastera yang berbahasa Melayu telah menyemarakkan semangat perjuangan kemerdekaan, nasionalisme, dan menjadi wahana pembinaan negara bangsa serumpun, sehingga peranan dan fungsi pengajian Melayu serantau tidak pernah diragui, terutama dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.

Perkembangan baharu dalam bidang bahasa dan sastera pada awal abad ke-20 memesatkan lagi kemajuan persuratan Melayu. Pembaharuan atau pemodenan kesusasteraan Melayu bertambah jelas. Bentuk sastera Barat seperti novel, cerpen, drama, sajak, esei, kritikan sastera diperkenalkan di dunia Melayu atau Nusantara. Bentuk itu kian popular sebagai genre baharu dan menjadi alat ekspresi bangsa serumpun Melayu. Bentuk ini mengukuhkan lagi bahasa Melayu sebagai bahasa sastera dan peneguhan cita-cita baharu di peringkat rantau kepulauan Nusantara kearah memajukan serta memperkukuhkannya sebagai bahasa moden. Kemunculan genre novel pada tahun 1920-an seperti *Faridah Hanum* (Syed Syeikh al-Hadi), *Kawan Benar* (Ahmad Rashid Talu) dan *Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan* (Ahmad Kotot); genre cerpen pada dekad yang sama seperti “Kecelekaan Pemalas” oleh Nor Ibrahim; dan puisi pada tahun 1913 seperti “Angan-angan dengan Guridam” oleh Omar Mustaffa, menunjukkan bahawa kesedaran wujudnya dunia nyata dalam kesusasteraan Melayu.

Kesusasteraan Melayu menemukan bentuk moden yang lebih meyakinkan pada tahun 1950-an. Di Indonesia, kebangkitan Angkatan Pujangga Baru, Balai Pustaka dan pelbagai gerakan kesusasteraan dalam tempoh sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua atau selepas kemerdekaannya telah mencorakkan arah perjuangan politik dan pembaharuan sosial.

Pengaruhnya turut mempengaruhi dalam gerakan sastra di Malaysia sehingga terbentuknya Angkatan Sasterawan 50 atau dikenali ASAS 50. Karya ciptaan sasterawan era ASAS 50 di Singapura lebih menyerlahkan kekuatan isi dan bentuknya. Genre puisi dan cerpen lebih menonjolkan “Seni untuk Masyarakat” untuk memperjuangkan perubahan masyarakat melalui hasil karya sastra yang membawa pelbagai tema tentang kemerdekaan, menentang penjajahan, menegakkan keadilan, dan menolak kepercayaan tahyul. Gerakan sastra berorganisasi ini berterusan sehingga tertubuhnya badan-badan penulis di serata tanahair terutama selepas kemerdekaan dan tertubuhnya gabungan penulis GAPENA pada tahun 1970.

Pemeriksaan pengajian Melayu, khususnya persuratan Melayu terus berlaku dengan kelahiran tokoh-tokoh sasterawan, budayawan, dan penulis yang cemerlang setanding dengan sasterawan besar dunia yang lain. Mereka tidak akan lahir tanpa kekuatan dalaman dan luaran, semangat serta ilmu yang dimilikinya. Kekuatan ilmu bantu seperti geografi, sosiologi, antropologi, budaya, sains, agama, dan pelbagai ilmu lain akan mempengaruhi proses pengkaryaan.

Dengan yang demikian, dalam pemulisan genre kesusasteraan, sasterawan dituntut menghasilkan genre yang dapat memberikan sesuatu kesan dan pesanan kepada pembacanya. Genre sastra yang sebagai hiburan semata-mata tidak akan menjadi lebih baik, kecuali tergolong dalam “seni pop” atau yang sering kali disebut sebagai karya popular.

Seterusnya, pemeriksaan persuratan Melayu yang bermutu tinggi pada abad ke-21 ini boleh mengembalikan keyakinan dan memikat golongan elit, korporat, politik, dan usahawan yang kian menysihkan diri daripada sastra kebangsaan. Semua pencinta sastra mahu melihat adanya genre sastra besar dan bermutu daripada bangsa sendiri supaya dapat sama-sama berdiri dan sama-sama duduk dengan sasterawan negara lain seperti Rusia, China, Jepun, Eropah, Timur Tengah, Afrika, India dan lain-lainnya. Malahan dari

rantau berbahasa Melayu Kepulauan Nusantara ini, perlu lahir karya yang mewakili kepelbagaian wilayah dan daerah Dunia Melayu, sesuatu yang tidak semata-mata seragam kerana perbezaan persekitaran dan kehidupan sosio-budaya wilayah peradaban Melayu. Antara contohnya diperlihatkan oleh Shahnnon Ahmad, Areean Wati, dan S.Othman Kelantan dalam karya mereka merupakan contoh keanekaragaman tema sosial bangsa dari wilayah peradaban yang pelbagai.

Sehubungan itu, walaupun timbul kesedaran bahawa pada zaman teknologi kini yang bergerak pantas ke hadapan namun sastera tetap diyakini mempunyai peranan dalam pembinaan bangsa dan negara, terutama dalam usaha memperkukuhkan penggunaan bahasa Melayu di Asia Tenggara. Sesungguhnya ilmu sains dan teknologi pada abad 21 ini tidak mampu menjawab semua persoalan kehidupan manusia. Ilmu ini tidak mengajar manusia memahami konflik sosial dan politik atau kehancuran budi kemanusiaan dalam pertarungan ekonomi sewarjagat. Ilmu ini terlalu objektif untuk mencerakinkan isu kemanusiaan, dan persoalan yang tidak nyata kelihatan berhubung dengan kejiwaan dan kerohanian, semangat, dan akal budi. Sains dan teknologi perlu diseimbangkan dengan sains sosial, terutamanya terhadap Kesusasteraan Melayu. Kesusasteraan boleh sahaja menjadi faktor pengimbang kehidupan manusia pada bila-bila masa atau di mana-mana juga.

Jawapannya ada dalam kesusasteraan bangsa itu sendiri. Semakin tinggi pengucapan kesusasteraan bangsa itu, maka semakin canggihnya gambaran pemikiran dan daya ciptaannya, sekaligus membawa kepada medium mengangkat kemartabatan bahasa Melayu serantau Nusantara.

Memperkukuhkan Bahasa Melayu Serantau Nusantara

Bahasa Melayu di Malaysia, setelah lebih lima dekad merdeka seharusnya kita sudah bebas sepenuhnya dari generasi *anglophile* - peribumi berbudaya dan bercitarasa penjajahan

Inggeris, yang menagih dengan segalanya bersifat keinggerisan, dan meremehkan segala yang bersifat keperibumian, termasuk bahasa dan budayanya. Malang sekali, setelah sekian beradab merdeka kita masih berhadapan dengan isu penghakisan jatidiri bangsa yang menggejalakan dalam rupa ketidakpercayaan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Isu PPSMI yang sebelum ini begitu menimbulkan polimik sewarjagat kemartabatan bahasa Melayu adalah merupakan isu besar, kerana implikasinya memang cukup ketara terkesan. Kini dibayangnya pula dengan pelaksanaan DLP dengan pelbagai tafsirannya. Justeru itu, melalui bukti-bukti yang lebih cukup menunjukkan ia jelas merugikan bangsa. Sikap meremeh dan memperlekehkan bahasa sendiri adalah suatu dosa budaya dan sekaligus suatu “penderhakaan” terhadap perjuangan memartabatkan bahasa dan bangsa sebagaimana yang diusahakan dalam Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN kali ke-3 di Pattani, Thailand ini.

Bahasa adalah sebahagian daripada budaya, bahkan ia adalah bahagian daripada jiwa bangsa itu sendiri. Bahasa bukan sekadar bunyi dan suara yang hanya dimaknai secara *harfi*, tetapi suara yang mengungkapkan *fikrah* dan *iradah*, cita dan rasa, getar dan debar jiwa sesuatu bangsa. Oleh yang demikian, berasaskan hakikat bahawa bahasa adalah sebahagian daripada dimensi terdalam batin sesuatu bangsa, dan pusat kepekaan jiwanya, maka bahasa memainkan peranan istimewa dalam perjuangan membina dan membangun bangsa (Siddiq Fadhil, 2012: 131). Bahasa dengan erti dan fungsi sedemikian tentunya merujuk bahasa yang didaulatkan, dibanggakan, dan dipakai dengan yakin dalam segala bidang kehidupan bangsa. Bahasa menjadi jatidiri bangsa, kerana bahasa manusia sememangnya berbeza-beza, dan perbezaan itulah pula yang mencirikan jatidiri sesuatu bangsa. Yang dimaksudkan dengan jatidiri adalah ciri-ciri yang membezakan suatu bangsa daripada bangsa-bangsa lain. Untuk menjadi jatidiri bangsa, bahasa itu sendiri harus memiliki jatidiri dengan memelihara ciri-ciri kelainannya dan

sifat-sifat tersendiri terutama sebagai bahasa ilmu pengetahuan dalam konteks pembangunan negara bangsa.

Bahasa Melayu bukan tidak pernah berfungsi sebagai bahasa ilmu pengetahuan. Sejak sekian lama bahasa Melayu telah digunakan dalam bidang pendidikan. Golongan ilmuwan agama Islam telah menggunakan bahasa Melayu untuk menyampaikan ajaran mereka. Bahkan telah dibukti bahawa ajaran agama Islam disebarkan di rantau ini melalui bahasa Melayu. Di Aceh misalnya, kegiatan penulisan agama yang bermutu ternyata daripada sumbangan-sumbangan tokoh penulisan seperti Sheikh Nuruddin al-Raniri, Hamzah Fansuri, dan Shamsuddin al-Sumatrani. Kegiatan keintelektualisme melalui bahasa Melayu pada zaman lampau tersebar luas, dari Aceh ke daerah pesisir lain di seluruh Kepulauan Melayu.

Antaranya ialah Palembang dan Brunei. Di Palembang, contohnya ialah pengarang-pengarang seperti Abdul Samad al-Falambani yang telah menghasilkan antara lain penulisannya *Hikayat al-Salikin*. Di Brunei, terdapat tulisan-tulisan agama dan karya sastera termasuk oleh Pengiran Syahbandar Muhammad Salleh atau Pangiran Indera Mahkota, yang telah menghasilkan *Syair Rakis* (Nik Safiah Karim, 2009: 5). Begitu juga di daerah pesisir lain, seperti Banjarmasin dengan penulisnya Arshad al-Banjiri yang menghasilkan kitab *Sabil al-Muhtadim*, dan Pattani dengan penulisnya Mohd Ismail Daud Pattani yang menulis *Matla al' Badrain* dan *Furu'al Masail*. Sesungguhnya, para ulama Pattani amat besar peranannya dalam mempengaruhi perkembangan ilmu dan peradaban Melayu Islam ke seluruh rantau Kepulauan Melayu.

Sheikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fathani, misalnya telah menarik ramai penuntut yang kemudiannya menjadi pemimpin agama dan juga politik pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 di Kelantan, Negeri Sembilan, Kalimantan Barat, Kemboja, dan lain-lain. Contohnya, di Kelantan tradisi pendidikan dan keilmuan Melayu Islam mendapat asasnya daripada sistem pendidikan pondok di Pattani yang berpunca

daripada sistem pendidikan Islam di Masjid a-l-Haram Makkah. Pada pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20 antara pondok-pondok yang termashyur di Kelantan ialah Pondok Pulau Chondong yang diasaskan oleh Haji Abdul Samad bin Faqih Hj. Abdullah atau Tok Pulai Condong, Pondok Sungai Pinang diasaskan oleh Hj.Abdul Malik bin Hassan atau Tok Malik Sungai Pinang, Pondok Kenali diasaskan oleh Hj.Muhammad Yusuf bin Ahmad atau Tok Kenali. Manakala para ulamanya yang terkemuka, antaranya Hj.Ahmad bin Muhammad Yusuf bin Abdul Halim yang menulis *Dar al-Hiasan*, Hj.Abdul Samad bin Muammad Salleh menulis *Jala al-Qulub*, Sheikh Wan Ali Kutan, tulisannya *al-Jauhar al-Mauhub wa Muanbbih al-Qulub*, Muhammad Yusuf bin Ahmad Tok Kenali, Hj.Wan Ishak bin Imam Hj.Abdullah, dan lain-lain (Hashim Musa,2005: 47).

Kemuncak kegiatan penulisan melalui bahasa Melayu adalah di Pulau Penyengat, sebuah pulau di Kepulauan Riau, yang menjadi sebahagian daripada kerajaan Johor-Riau. Di sinilah, dalam abad ke -19 hingga awal abad ke-20, tertumpunya kegiatan keintelektualan Melayu-Islam dan perkembangan Bahasa Melayu ke kepulauan Asia Tenggara. Banyak sekali terhasilnya karya dan kitab diterbitkan di pulau ini, antaranya *Kitab al-Hakim* oleh Tajud-din Abdul Fadzil Ahmad ibn'Abdul Karim, *Sabil al-Katibin*, *Kitab Pengetahuan Bahasa* ditulis oleh Raja Ali Haji. Seterusnya pada tahun 1890 telah lahir sebuah pusat pengajian yang ulung di Riau iaitu Persekutuan Rusydiyyah hasil daripada daya usaha para cendekiawan Riau yang telah menyemarakkan hasil penulisan. Dengan demikian munculnya penghasilan karya dalam pelbagai bidang seperti bahasa, sastera, sejarah, politik, agama dan sebagainya.

Untuk menyebarkan hasil karya mereka, maka sebuah badan percetakan telah ditubuhkan di Pulau Penyengat sekitar tahun 1894 iaitu *Matba'ah al-Riauwiyyah* atau *Matba'ah al-Ahmadiyah*, sempena nama Yang Dipertuan Muda Riau ke-10 Raja Muhammad Yusuf al-Ahmadi, tetapi berbeza dengan

Matha'ah al-Ahmadiyah yang ditubuhkan di Singapura pada tahun 1920.

Tradisi pengajian Melayu pada zaman itu turut memperlihatkan perkembangan ilmu tentang ketatanegaraan dan undang-undang dalam bahasa Melayu, antaranya *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-undang Johor*, *Undang-undang Perak* dan *Undang-undang Kedah*. Manakala buku tajwid yang awal dalam bahasa Melayu dihasilkan oleh Aminuddin Nuruddin iaitu *Risalah Tajwid* diterbitkan pada tahun 1890. Kitab mengenai ilmu pengiraan falak yang bertajuk *Minhaj al-Qawin* ditulis oleh Syeikh Abdul Rahman Muhammad al-Fatani pada tahun 1893. Contoh karya dan dokumen tersebut adalah merupakan mercu tanda awal dalam kegemilangan bahasa Melayu yang diungkapkan dalam tulisan ilmiah bagi dunia Melayu. Dengan kata lain, bahasa Melayu pada masa itu sudah pun menjadi bahasa perantaraan dalam penyebaran ilmu di rantau Asia Tenggara.

Dari segi sejarah memang bahasa Melayu telah pun digunakan sebagai bahasa kosmologi, baik dalam hubungan dengan alam fizik dan metafizik, agama dan teknologi semasa, mahupun dalam pelajaran, perdagangan, pertanian, dan pembinaan. Bukti ini menunjukkan betapa bahasa Melayu mampu mendukung asas dan pembinaan tamadun. Kepesatan pembangunan ekonomi di Malaysia dan luar negara haruslah berserta dengan tanggungjawab pengembangan dan penggunaan bahasa Melayu. Tambahan pula dengan perkembangan globalisasi pendidikan, Malaysia akan menjadi tumpuan pelajar luar negara yang datang belajar di Malaysia. Oleh yang demikian, perlu diwujudkan satu dasar yang mengharuskan pelajar asing mempelajari bahasa Melayu di negara mereka yang mempunyai kemudahan untuk mempelajarinya atau belajar di Malaysia sebelum mengikuti sesuatu pengajian. Di Thailand, misalannya sepertimana peranan yang dimainkan oleh Universiti Fotani sekarang seharusnya pula

bergerak ke hadapan untuk mendahului pengajian Melayu secara lebih progresif.

Kesempatan yang berancang dalam mengembang dan memperkukuhkan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa bukan sahaja melalui pengajian di pusat pengajian tinggi atau institusi-institusi bahasa yang boleh dibangunkan sebagaimana peranan yang dimainkan selama ini oleh British Council, Goethe Institute, atau Alliance Francaise, tetapi juga melalui golongan korporat atau syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di luar negara. Namun demikian, beberapa negara luar pada masa ini bahasa Melayu dipelajari bagi kepentingan pengajian sastera dan falsafah, tetapi tidak dari sudut sains dan teknologi, kerana dalam bidang sains dan teknologi bahasa Melayu secara takrifnya baru berkembang. Kalau pengembangan dan pengukuhannya tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan dihasrati bersama sesuai dengan kemajuan di negara asal bahasa Melayu itu, maka bahasa Melayu akan kekal dipelajari sebagai bahasa sastera dan falsafah.

Bahasa Melayu kini dipelajari oleh berbagai-bagai pusat pengajian tinggi dunia baik di Timur atau di Barat dan di Australia dan New Zealand kerana kedudukan geografinya yang berhampiran dengan Asia Tenggara serta kerana kepentingan ekonomi dan politik dengan dunia Melayu. Bahasa Melayu di negara tersebut telah diangkat sebagai bahasa kedua sesudah bahasa Inggeris. Dahulu di kedua-dua buah negara itu bahasa Perancis adalah bahasa kedua yang diajar di sekolah menengah. Kini, bahasa Melayu diusahakan untuk dijadikan bahasa kedua pilihan yang diajar di sekolah menengah dan pendidikan tinggi. Begitu jugalah diharapkan kepada negara-negara ASEAN supaya dapat merealisasikan bahasa Melayu sebagai bahasa keduanya dan seterusnya dapat memperkukuhkan penggunaan bahasa Melayu di Kepulauan Nusantara.

Justeru itu, bahasa Melayu seharusnya berupaya memggambarkan fikiran, kreativiti, dan aktiviti besar bangsa. Sesungguhnya, bahasa adalah alat komunikasi utama manusia

dan dengan sendirinya menjadi asas pembinaan sesebuah tamadun. Tamadun dan peradaban sesuatu bangsa akan menjadi kekal dan bertahan melalui tradisi ilmu. Maka, bahasa Melayu hendaklah berupaya mengungkap keseluruhan peranannya dalam semua bidang dan cara hidup bangsanya yang meliputi akal fikiran dan daya ciptaan dalam tuntutan kemasyarakatan atau persekitaran dengan keperluan termasuk politik, ekonomi, dan sosial.

Bahasa itu tidak boleh tidak sepatutnya menonjolkan fikiran bangsanya dalam bidang pencapaian ilmu pengetahuan tinggi, kesusasteraan, falsafah dan mampu menjadi perantaraan yang membina lambang dan imej yang menjadi sebahagian daripada kehidupan dan warisan tamadunnya termasuk aspek kebendaan tamadunnya. Tradisi pengajian dan persuratan Melayu yang baik masih boleh memuatkan dengan lengkap sejarah warisan kita, seni bina dan infrastruktur fizikal yang dimajukan, kemajuan dan pemindahan teknologi, perancangann pembangunan negara, identiti kota yang tersusun dan memperlihatkan bahasa sebagai lambang negara walaupun terpaksa memaparkannya di papan tanda.

Kini, bahasa Melayu telah berhadapan dengan tuntutan zaman yang begitu cepat dalam pembangunan industri dan teknologi, kemajuan perdagangan dan kegiatan ekonomi serta perhubungan antarabangsa yang didukung oleh bahasa asing, terutama bahasa Inggeris. Timbul fikiran tentang keperluan penggunaan bahasa Inggeris dalam sektor industri dan teknologi. Namun, suatu hal yang pasti adalah bahawa bahasa Melayu tetap mampu mendukung kemajuan sains dan teknologi. Kita hanya memerlukan keyakinan dan kesabaran dengan strategi dan pendekatan baru disesuaikan pula dengan perkembangan semasa Negara dan dunia antarabangsa. Perubahan era baru abad ke-21 akan membawa bersama-sama perubahan sosio-budaya. Komunikasi baru akan ikut beralih daripada bahasa Barat kepada kemungkinan memantapkan dan mengembangkan bahasa Asia, termasuk

bahasa Melayu, selain bahasa Jepun, bahasa Korea, dan bahasa Mandarin.

Perubahan yang berlaku di Jepun dan Jerman menunjukkan bagaimana kedua-dua bangsa itu dengan cepat menyesuaikan diri dan membina kecemerlangan ekonomi selepas Perang Dunia Kedua. Korea Selatan dan Taiwan juga cepat berubah. Kebangkitan Jepun dan Korea melalui proses yang sama iaitu peminjaman, penterjemahan, pengasimilasian dan akhirnya penjanaan ilmu pengetahuan, sains dan teknologi dalam acuan sendiri. Jepun telah berabad-abad lamanya dijajah dan didominasi oleh tamadun China dan telah meminjam daripada China akan sistem tulisan, seni lukis, seni bina, institusi dan sistem perundangan dan sastera klasiknya.

Bahkan nama Jepun juga diberikan oleh orang China iaitu *Je-pen* yang bermakna “negara matahari naik” yang dalam bahasa Jepun disebut *Nippon*. Apabila kuasa pemerintahan dikembalikan kepada maharaja Jepun pada tahun 1868, ini membawa kepada “Restorasi Meiji” dengan polisinya untuk mempelajari segala aspek ilmu pengetahuan dan teknologi daripada Barat supaya membawa kemajuan kepada negara Jepun. Namun, Jepun amat tegas dengan pendirian mereka iaitu ilmu pengetahuan dan teknologi yang baru mesti disampaikan dalam bahasa Jepun iaitu diletakkan dalam acuan mereka sendiri. Variasi bahasa Jepun yang digunakan ialah paling luas terpakai dalam masyarakatnya iaitu variasi bahasa patani dan wanita, dan melalui perancangan bahasa yang pesat dan gigih mereka menukarkan bahasa itu menjadi bahasa ilmu tinggi dan bahasa saintifik yang cekap.

Begitu juga di Korea, prosesnya hampir sama dengan Jepun, iaitu dari segi penggunaan bahasa sendiri sebagai bahasa pengantar pendidikan, sains dan teknologi dan proses pemindaan ilmu pengetahuan juga berlaku. Proses perancangan bahasa, program penterjemahan dan penghantaran belia-belia Korea ke negara-negara Barat untuk menimba ilmu dan menyampaikannya dalam bahasa sendiri seperti yang dilakukan

oleh Jepun. Dengan demikian proses pembudayaan ilmu sains dan teknologi amat luas berlaku di kalangan rakyat jelatanya dan dapat membangun sumber manusianya. Ini memungkinan daya cipta dan kreativiti peribumi dapat ditingkatkan supaya dapat menghasilkan sesuatu teknologi itu mengikut acuan dan minda asli mereka sendiri. Dengan kata lain, di Jepun dan Korea, gerakan penterjemah menjadi tanggungjawab nasional dan dianggarkan di kedua-dua negara itu kira-kira 20,000 hingga 30,000 judul buku diterjemah setiap tahun. Mereka mengejar ekonomi, tetapi tidak meninggalkan tanggungjawab membina tamadun bangsanya dengan kemantapan bahasanya sendiri. Apabila sains dan teknologi dan penerbitan ilmu pengetahuan bahasa lain diterjemah dengan cepat ke bahasa mereka, tindakan itu sebenarnya memartabatkan lagi bahasa dan kekayaan tamadun mereka yang sedang berubah maju.

Keadaan ini tidak mustahil akan turut terjelma kepada bahasa Melayu untuk di Kepulauan Nusantara sekiranya semua pihak dalam negara ASEAN bersatu hati dan cekat merealisasikan akan pengukuhan penggunaan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, sikap positif atau negatif terhadap bahasa Melayu amat penting dan dapat mendorong seseorang untuk menerima, menyokong, menentang, atau menolaknya. Sikap setia dan sayang terhadap bahasa Melayu amat perlu dipupuk dalam kalangan warganegara.

Kesetiaan kepada bahasa menyebabkan seseorang itu sanggup menggunakannya. Pihak kerajaan dan semua pihak harus memupukkan rasa kesetiaan terhadap bahasa kebangsaan dan mengamalkannya terus menerus dengan penuh rasa bangga seperti rakyat Perancis, Jerman dan Jepun terhadap bahasa mereka. Begitu juga rakyat Thailand dan Indonesia yang menggunakan bahasa mereka dalam semua situasi baik dalam komunikasi harian, mahupun dalam pembelajaran ilmu sains dan teknologi di institut-institut pendidikan atau pusat pengajian tinggi di negara tersebut. Bagi membina sikap yang positif dan

kesetiaan terhadap bahasa, seharusnya pihak kerajaan memainkan peranan yang amat penting.

Sikap positif kerajaan penting dalam menentukan hala tuju bahasa Melayu demi pembentukan identiti negara bangsa terutamanya di Malaysia. Pucuk pimpinan perlu mengambil langkah tegas seperti mengadakan pelbagai program untuk melaksanakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu sepenuhnya di pusat-pusat pengajian tinggi dan institusi-institut pendidikan negara. Sikap positif dan nilai bahasa Melayu akan meningkat sama seperti yang berlaku pada bahasa Inggeris atau bahasa kebangsaan negara maju seperti Perancis, Jerman, Inggeris, Jepun, Korea, dan seumpamanya. Begitu juga peranan yang dimainkan oleh badan-badan berkanun seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABBAM) dan sebagainya berusaha mengadakan pelbagai aktiviti yang berjaya meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap kemampuan bahasa Melayu. Semua ini akan berjaya dengan sokongan pihak kerajaan dan begitu juga halnya dengan rakyat jelata. Sesungguhnya bahasa Melayu sudah lama mampu menjadi bahasa penghantar ilmu di institusi-institusi pengajian tinggi termasuklah dalam bidang sains dan teknologi.

KESIMPULAN

Usaha membangunkan dan memperkasakan pengajian Melayu, khususnya persuratan Melayu untuk memperkukuhkan penggunaan bahasa Melayu di Kepulauan Nusantara ini bukanlah kerja pihak tertentu sahaja. Gabungan tenaga pelbagai pihak yang memandang tinggi akan peradaban sendiri amat diperlukan seperti yang direalisasikan oleh gabungan kerjasama antara pihak Universiti Fotani dan Universiti Pendidikan Sultan Idris ini. Di samping itu, rangkaian padu antara penulis, khalayak, karya, badan kerajaan, badan bukan kerajaan, sumber dana, dan peralatan canggih akan melonjakkan

martabat bahasa Melayu. Kesedaran peranan media massa, jaringan komuniti bahasa dan sastera, manfaat sastera teknologi tinggi, pendokumentasian pengajian Melayu seluruh rantau, penciptaan persuratan baharu yang mencabar minda, dan pengukuhan konsep dan kepustakaan ilmu Melayu sentiasa diperlukan agar penghayatan terhadap sisitem nilai peradaban negara bangsa terus bersemarak.

Pengajian Melayu amat memerlukan transformasi yang lebih luas sifatnya dan menuntut kesungguhan yang progresif dari pelbagai pihak dan negara untuk meletakkan keutamaan kearah memartabatkan bahasa Melayu serta memperkukuhkan penggunaannya ke rantau Kepulauan Nusantara ini. Kesemuanya menuntut penghayatan, komitmen dan pengorbanan yang mendepani dengan kemajuan serta mengerakkan kebangkitan penggunaan bahasa Melayu, sekaligus menyahut cabaran peradaban Melayu dalam dunia global abad ke-21.

RUJUKAN

- A.Aziz Deraman. (2015). *Minda Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Aziz Deraman. (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali & Ariff Mohamad, (2016) ` Pengupayaan Jaringan Bahasa Melayu, *Jurnal Antarabangsa Bahasa Melayu*, Jilid 1/Jan/Jan/2016, Pusat Perhubungan Alumni, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, ms.1-13
- Dirks, Nicholas (1992). *Colonialisme and Culture*. (ed). Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Hassan Ahmad. (2002). *Imbasan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hashim Musa. (2005). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Taib Osman. (2004). *Budaya dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Roff, Willian. (1967). *Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malays Press.
- Sahlan Mohd Saman. (2002). *Pengajian Melayu dalam Kontek Kesusasteraan Bandingan*. Bangi: Persatuan Penulis Selangor.
- Sanat Md.Nasir dan Rogayah A.Razak. (1998). *Pengajian Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.